



Dirgahayu Tuanku Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail

Tanggal 30 Disember 1967, lahirlah seorang putera hasil ikatan kasih sayang antara Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah bt. Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merupakan putera tunggal bagi pasangan DiRaja itu.

Tuanku Syed Faizuddin memulakan alam persekolahan peringkat rendah pada tahun 1974 di Sekolah Rendah Kebangsaan Putra, Kangar, Perlis dan peringkat menengah pada tahun 1980 di Sekolah Menengah Derma, Kangar, Perlis dan seterusnya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Penang Free, Pulau Pinang pada tahun 1983. Baginda kemudiannya berangkat ke Melbourne, Australia untuk melanjutkan pelajaran di Carey Grammar School dengan memasuki tingkatan lima dan kemudian mengikuti pengajian matrikulasi tingkatan enam sehingga tahun 1985.

Tuanku Syed Faizuddin kemudiannya melanjutkan pengajian di La Trobe University, Bundoora, Melbourne. Baginda memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (B.Ec.) pada tahun 1989. Dalam tahun 2002, Baginda diiktiraf dengan La Trobe Medal, iaitu gelaran penghormatan tertinggi bagi Universiti tersebut. Baginda adalah penerima kedua anugerah tersebut, selepas Presiden negara Greece.

Pada tahun 1990, baginda memulakan kerjaya sebagai Eksekutif di Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) di mana baginda menjawat jawatan sebagai Pelatih Pengurusan di Bahagian Pengurusan Am. Dari tahun 1992 hingga 1993, Baginda dilantik sebagai Eksekutif Pemasaran dan Jualan (Antarabangsa) untuk pasaran Australasia, Eropah, Timur Tengah dan India dan kemudiannya untuk pasaran Asia dan Afrika dari 1994 hingga 1995.

Pada tahun 1995 hingga 1998, Baginda merupakan Pengurus Kawasan bagi Sepanyol dan Portugal dan menetap di Madrid. Kemudiannya Baginda menjadi Pengurus Kawasan bagi Switzerland, Austria dan Eropah Tengah dan menetap di Zurich.

Tuanku Syed Faizuddin telah mendirikan rumahtangga dengan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Lailatul Shahreen Akashah pada 9 Mei 1994 dan dikurniakan dua orang puteri, Yang Amat Mulia Sharifah Khatreena Nuraniah dan Yang Amat Mulia Sharifah Farah Adriana. Baginda telah dianugerahkan darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P.) yang membawa gelaran Dato' Seri sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Tuanku Raja Perlis pada tahun 1998. Pada tahun 2000, Baginda dianugerahkan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Baginda memainkan peranan dan fungsi rasmi sebagai Raja Muda selepas perisytiharan rasmi dilangsungkan pada 12 Oktober 2000.

Baginda telah dilantik sebagai Pemangku Raja Perlis pada 12 Disember 2001 untuk tempoh lima tahun apabila DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-12. Pada tarikh tersebut juga Baginda dikurniakan Bintang Kebesaran Darjah Kerabat Perlis (D.K.). Dengan perlantikan tersebut, Baginda menamatkan kerjaya dengan MAS pada 31 Januari 2002.

Sebagai Pemangku Raja Perlis, Baginda telah menitahkan untuk melihat negeri Perlis beroleh peningkatan di dalam aspek kemudahan asas kepada rakyat, sumber pendapatan kepada rakyat dan negeri di samping imejnya berada di tahap paling unggul. Baginda turut mahu melihat kempen Tahun Melawat Perlis 2003-2005 beroleh kejayaan dan program ke arah Perlis Cemerlang Negeri Gemilang Sukan menjelang 2006 beroleh sukses.

Tuanku Syed Faizuddin merupakan seorang peminat bola sepak. Semasa zaman persekolahan, Baginda turut mewakili pasukan negeri dalam kejohanan bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Sehingga kini Baginda masih aktif bermain bola sepak dan sering berangkat memberikan sokongan pada setiap perlawanan Liga yang melibatkan Pasukan Negeri Perlis. Baginda juga merupakan peminat setia pasukan Manchester United.

Pada masa kini, Tuanku Syed Faizuddin juga merupakan peneraju Rejimen 504 Askar Wataniah sebagai Komander berpangkat Brigedier Jeneral. Baginda juga merupakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Presiden Kelab Golf Putra Perlis. Baginda juga adalah penaung bagi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM), Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Perlis, Malaysia Chefs Association, Projek Bola Sepak Ken Barnes Soccer Skills SeMalaysia, Persatuan Boling Padang Perlis, serta Pertubuhan Jemaah Dato'-Dato' Perlis.

Tuanku Syed Faizuddin dan Tuanku Hajah Lailatul Shahreen telah menunaikan ibadat haji pada bulan Januari 2004 di Tanah Suci Mekah Al-Mukarramah.

Pada 1 September 2003 Tuanku Syed Faizuddin telah dilantik sebagai Canselor Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia yang pertama oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Berikut adalah Wawancara bersama baginda sempena Istiadat Pemasyihuran Canselor pada 17 Julai 2004.

Apakah perasaan Tuanku apabila dilantik sebagai Canselor KUKUM oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong berkuatkuasa 1 September 2003 yang lalu?

Sebenarnya Ayahanda saya Tuanku Syed Sirajuddin tidak pernah pun menitahkan kepada saya tentang perlantikan tersebut. Saya hanya dimaklumkan apabila bertemu dengan Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin. Beliau memaklumkan saya telah dilantik sebagai Canselor KUKUM oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Reaksi saya sudah pasti terkejut. Saya tidak pernah terfikir dan menyangka akan dilantik sebagai Canselor baik KUKUM mahupun mana-mana IPTA lain. Secara jujur tidak pernah termaktub dalam agenda hidup saya bahawa suatu hari nanti saya bakal bergelar Canselor Universiti. Perlantikan ini satu penghormatan yang cukup besar bagi diri saya dan juga keluarga saya. Ia juga satu amanah yang harus dipikul dengan sebaik mungkin. Sebelum menerima perlantikan ini saya telah berbincang dengan Dato' Rektor tentang peranan dan tanggungjawab yang harus dimainkan oleh saya sebagai Canselor. Syukur alhamdulillah setelah dipersembah maklum penerangan yang mendalam tentang tanggungjawab sebagai Canselor, saya lebih jelas dan memahami erti sebenar peranan tersebut. Apa yang menarik perhatian, saya boleh memainkan peranan secara proaktif bukan pasif sebagai Canselor. Saya juga mendapat dorongan kuat daripada Raja Puan Muda Perlis untuk memberikan yang terbaik kepada KUKUM. KUKUM pula masih baru ditubuhkan maka saya boleh melihat perkembangan universiti ini dari awal lagi. Saya amat berbangga dengan perlantikan tersebut. Apatahlagi lokasi KUKUM di negeri Perlis memberikan erti yang lebih bermakna kepada saya, untuk sama-sama membangunkan negeri ini.

Sebagai Canselor KUKUM, apakah pandangan Tuanku terhadap penubuhan Universiti ini dan pencapaian KUKUM sepanjang hampir tiga tahun penubuhannya?

Kagum dan menakjubkan! Saya akan sentiasa mengikuti perkara-perkara mendatang. Dalam masa yang sama saya juga merasakan 'scary' (menakutkan) kerana KUKUM berkembang dengan begitu pantas. Sentiasa terfikir bagaimana kita hendak mempertahankan pencapaian dan perkembangan tersebut dalam jangka masa panjang dari semua aspek. Kedua, saya berharap KUKUM akan terus menerus memberi kebaikan dan manfaat kepada rakyat dan negeri Perlis dan seterusnya menjadi 'flagship' atau pemangkin kepada kejayaan negeri ini di masa hadapan. KUKUM adalah lambang kebanggaan negeri ini. Impak KUKUM kepada rakyat dan negeri ini cukup besar. Walaupun KUKUM adalah IPTA yang paling bongsu dan masih belum mempunyai kampus tetap namun kejayaan yang telah diperolehi bolehlah disanjung. Prasarana makmal yang canggih, khidmat masyarakat secara berterusan yang dihulurkan kepada penduduk setempat seperti memberi khidmat tuisyen percuma kepada pelajar-pelajar di Kuala Perlis, membantu mangsa kebakaran, memberi kefahaman tentang prospek dan kerjaya sebagai jurutera kepada para pelajar melalui Program Menjana Jurutera, Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan sekolah-

sekolah di negeri Perlis melalui Program Sekolah Angkat, universiti-universiti tempatan mahupun luar negara dan industri-industri. Kita harus merancang pembangunan KUKUM dengan sebaik-baiknya. Ibarat kata janganlah termasuk dalam kategori 'never plan to fail, but never fail to plan'. Itu pandangan saya. Elakkan dari menjalankan perancangan 'ad-hoc' yang selalunya kurang menguntungkan.

Apakah langkah-langkah proaktif yang akan diambil oleh Tuanku sebagai Canselor bagi menjana pembangunan KUKUM sebagai sebuah universiti?

KUKUM adalah sebuah universiti yang masih baru dan ini memberi banyak kelebihan. Kakitangan yang bekerja di sini sudah pasti dilantik dari kalangan mereka yang terbaik dari seluruh negara begitu juga dengan Ahli Senat Universiti. Saya dapati Dato' Rektor dan Timbalan beliau amat berkaliber untuk membawa KUKUM ke tahap yang amat membanggakan. Saya telah diberikan sebuah bilik pejabat di Pusat Pengajian di Jejawi maka ini akan memudahkan lagi interaksi dan komunikasi saya dengan Pegawai Kanan dan Dekan-Dekan. Saya akan menggunakan kesempatan ini untuk berbincang idea-idea baru bagi memartabatkan nama universiti ini. Saya akan sentiasa membincangkan soal ini dengan Dato' Rektor agar tidak berlaku sebarang pertindihan tanggung jawab. Insyallah dari pengalaman saya semasa belajar dan bekerja di luar negara akan saya curahkan input-input tersebut demi membangunkan KUKUM. Apa yang saya harapkan KUKUM boleh berdiri dengan sendiri dan tidak bergantung kepada mana-mana pihak. KUKUM harus 'independent' dan telus dalam mencorak langkahnya. KUKUM juga harus berpegang teguh kepada Moto, Misi serta Visinya. Jadikan tiga perkara tersebut sebagai pegangan agar warga kerja KUKUM akan sentiasa berada di atas landasan yang betul. Saya juga mahu KUKUM boleh mengaplikasikan teori pemasaran iaitu Strength, Weakness, Opportunity, Threats (S.W.O.T) dalam pentadbiran agar penambahbaikan dapat dilakukan dari masa ke semasa. Dalam pengambilan kakitangan yang baru pula, KUKUM harus memastikan calon-calon tersebut mempunyai elemen 'nilai tambah' agar penggunaan guna tenaga kerja dapat dimaksimakan. Seorang pekerja yang baik harus mempunyai kemahiran dalam pelbagai perkara. Bukan berpusat kepada satu bidang sahaja. Pun begitu, apa yang lebih penting ialah setiap warga KUKUM harus bekerja dalam satu pasukan dan saling bantu-membantu. Jika segala kriteria-kriteria ini dilaksanakan sewajarnya, impian KUKUM untuk cemerlang, gemilang dan terbilang bukan lagi mustahil.

Universiti tenikal seperti KUKUM ini yang berkonsepkan 'distributed campus' amat jarang diamalkan di negara ini. Justeru itu pasti timbul pelbagai masalah logistik. Apa pandangan Tuanku?

'Distributed campus' adalah suatu norma dan fenomena biasa baik universiti di Amerika Syarikat malah di Eropah sendiri. Namun 'distributed campus' di sana masih di dalam satu lingkungan atau kawasan tanah universiti. Di sini keadaan adalah disebaliknya. KUKUM berada di seluruh negeri Perlis. Ia memberikan kelebihan dari pelbagai aspek. Warga KUKUM bukan sahaja dapat berinteraksi dengan penduduk setempat malah dapat melancong dan seterusnya mengenali budaya setempat dengan lebih dekat. Penubuhan KUKUM secara langsung juga menjana pembangunan sosio ekonomi negeri

Perlis dan orang perseorangan secara tidak langsung dalam bentuk perniagaan kedai runcit, makanan dan sebagainya. Walaupun ia berkonsepkan 'distributed campus' namun KUKUM terjalin dalam satu ikatan jaringan ICT yang cukup canggih. Justeru itu masalah bagaimana mahu memusatkan dan memutuskan sesuatu persoalan dan mengatasinya bukan lagi masalah. Namun KUKUM harus memantau perjalanan 'distributed campus' ini dengan berhati-hati kerana kita semua sedar bukan mudah mentadbir sebuah universiti yang berkonsep sedemikian. Apa yang saya harapkan pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui jasa baik YB Menteri Pengajian Tinggi dapat mempercepatkan pembinaan kampus tetap KUKUM di Ulu Pauh dan Sungai Chuchuh kerana KUKUM berkembang dengan pantas dan pengambilan pelajar akan terus meningkat dari setahun ke setahun. Sudah pasti logistik akan menjadi masalah utama KUKUM nanti selain dapat mengurangkan kos operasi yang sedia ada.





Pengalaman belajar di luar negara pasti mendedahkan Tuanku dengan suatu sistem pendidikan yang berbeza dari sistem yang terdapat di Malaysia. Apakah bentuk serta langkah yang boleh diadaptasi dari sistem tersebut untuk digunapakai di KUKUM ini ?

Dalam persoalan ini saya tidak dapat membandingkan ia secara relatif total kerana saya mengambil jurusan Ekonomi sedangkan di KUKUM ini hanya memfokuskan kepada bidang kejuruteraan sahaja. KUKUM juga menerapkan sistem 'fachoshule' yang menggunakan 60% praktikal. Zaman saya belajar di Australia iaitu pada penghujung tahun lapan puluhan, belum lagi terdapat kemudahan ICT yang canggih seperti penggunaan internet, email dan sebagainya. Saya yakin tenaga pengajar sedia ada di KUKUM ini mempunyai pengalaman serta potensi daya saing yang dinamik. Saya dimaklumkan pensyarah-pensyarah di sini mempunyai latar belakang akademik dari pelbagai universiti terkemuka luar negara seperti dari Jepun, Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, maka pengalaman dan pertembungan idea pasti akan membuahkan suatu hasil yang memberangsangkan demi kemajuan bersama KUKUM. Saya dan Raja Puan Muda adalah siswazah daripada universiti yang sama di Melbourne. Kami sentiasa berbincang dan cuba mengenang kembali apa yang baik di La Trobe untuk sama-sama cuba diadaptasikan di KUKUM. Tetapi yang paling ketara, mereka di Barat amat menghargai masa dan menggunakan ia secara optima mungkin. Saya mahu setiap warga KUKUM menghargai masa dalam setiap bidang. Ini juga relevan dengan ayat dalam surah Al-A'as yang begitu menitiberatkan penggunaan masa. Saya mahu setiap warga KUKUM berbangga dengan diri sendiri kerana menjadi warga kerja atau pelajar KUKUM. Jangan lah merasa rendah diri hanya kerana kita masih baru. Tanamkan iltizam dan semangat jatidiri kita sebagai warga KUKUM. Ke mana sahaja kita pergi, kita membawa nama dan imej KUKUM tanpa mengira agama yang kita anuti ataupun bangsa yang melatari budaya kita. KUKUM adalah kita dan kita adalah KUKUM. Selain dari itu saya berharap para pelajar di KUKUM ini boleh menguasai kemahiran asas seperti 'MsExcel', 'Power Point', 'Speed Reading', 'Shorthand' dan sebagainya. Ia amat penting kerana bila

memasuki dunia pekerjaan nanti mereka telah bersedia dalam sebarang kemungkinan atau keadaan. Dunia pekerjaan sekarang memerlukan seorang pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran.

Bergelar siswazah adalah suatu pengalaman yang bukan sahaja indah tetapi penuh dengan cabaran. Apakah nasihat yang boleh Tuanku berikan kepada mahasiswa/i KUKUM?

Pengalaman yang sungguh indah dan tidak mungkin dapat dilupakan sepanjang hidup saya ialah apabila menerima ijazah sewaktu hari konvokesyen. Tak terucap kata-kata dan tak dapat tergambar perasaan ketika itu. Terasa langkah yang diatur sebelum menerima skrol ijazah begitu jauh. Terpancar di wajah Paduka Ayahanda dan Paduka Bonda saya betapa mereka cukup berpuas hati. Pengalaman begitu juga pasti akan dilalui oleh setiap mahasiswa/i KUKUM kelak. Secara peribadi saya ingin berpesan kepada setiap mahasiswa/i supaya belajarlah bersungguh-sungguh supaya harapan dan impian ibu bapa untuk melihat anda bergelar graduan akan tercapai. Mahasiswa/i KUKUM harus kenal akar umbi dan diri sendiri. Kita perlu ada ilmu kenal diri agar setiap langkah atau tindakan yang kita atur tidak bertentangan atau boleh merosakkan diri sendiri. Gunakan segala peluang yang ada semasa bergelar mahasiswa/i ini untuk mengaut segala ilmu dan pengalaman. Tajamkan keupayaan kemahiran berkomunikasi dan berbahasa Inggeris atau belajar menguasai bahasa asing yang lain kerana ia akan memberi kelebihan kepada anda semua. Tidak lupa juga kepada yang beragama Islam, jangan sesekali mengabaikan ajaran dan tuntutan agama kerana jiwa yang tenang akan hanya diperolehi melalui amalan yang bertunjungkan keimanan. Gunakanlah masa di negeri Perlis ini untuk menghayati pemahaman pegangan ahli as-sunnah wal-jamaah dengan erti kata yang sebenar. Berjauhan dengan ibu bapa juga secara tidak langsung akan melatih anda semua hidup berdikari. Anda semua harus bijak membuat sebarang keputusan dalam menangani segala permasalahan yang mungkin wujud.

Apakah resipi untuk bergelar mahasiswa/i berjaya dari pandangan peribadi Tuanku sendiri?

Tempoh bergelar mahasiswa/i cukup pendek. Ia peluang sekali dalam seumur hidup. Gunakan masa yang ada sebaik mungkin dengan penuh manfaat. Fokuskan diri anda semua pada pelajaran. Berikan 100% komitmen kepada perjuangan yang masih belum selesai. Mempunyai pendidikan yang tinggi amat penting kerana hanya melalui pendidikan kita boleh mempertingkatkan tahap sosio ekonomi diri dan keluarga. Sesungguhnya orang-orang yang berilmu akan dihormati di dunia mahupun di akhirat. Ijazah yang akan diperolehi kelak adalah sebagai platform atau pintu masuk untuk kita mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik. Harus diingat tidak ada jalan pintas untuk berjaya. Pengorbanan, usaha gigih yang berterusan dan disiplin diri yang teguh perlu disemat dalam diri setiap mahasiswa/i KUKUM. Proses menuntut ilmu juga harus berterusan. Bukan terhenti sebaik memperoleh ijazah Sarjana Muda sahaja. Raja Puan Muda dan saya sendiri mempunyai angan-angan untuk meneruskan lagi kelulusan kami dan hanya masa akan menentukannya kelak. Insyaallah. Tanamkan azam dan semangat untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat yang tertinggi. Saya juga suka mengingatkan kepada mahasiswa/i semua supaya tidak hanya menumpukan kepada akademik sahaja sehingga mengabaikan kecergasan fizikal. Cuba libatkan diri di dalam kegiatan ko-kurikulum kerana otak yang cerdas datangnya dari badan yang sihat. Selain dari itu mahasiswa/i semua juga harus aktif dalam kegiatan bersport kerana ia secara tidak langsung boleh mendedahkan diri kita dalam selok-belok pentadbiran, berkomunikasi dengan baik dan belajar bergaul dengan betul. Kesempatan berada di negeri ini juga harus



digunakan dengan mengenali budaya serta adat tempatan yang unik. Saya juga ingin menegaskan kepada mahasiswa/i hindari lah diri dari najis dadah dan segala kegiatan yang seumpama dengannya.

Dasawarsa sosio ekonomi Perlis secara perbandingan relatif sebelum dan selepas penubuhan KUKUM. Apa komen Tuanku?

Memang tidak dapat dinafikan sejak 10 tahun yang lalu pendapatan per kapita rakyat di negeri ini berbanding sekarang sudah pasti meningkat. Kehadiran KUKUM pula menjadi pemangkin kepada ekonomi negeri dan individu. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) sendiri sudah jelas menunjukkan betapa pendidikan secara rasional akan berjaya mempertingkatkan ekonomi penduduk di sesebuah kawasan. Di Perlis sendiri, kita boleh lihat bagaimana sejak kehadiran KUKUM, banyak bangunan-bangunan yang kosong dan terbiar dulu telah berubah menjadi ruang pejabat. Begitu juga dengan rumah sewa. Tidak lagi terbiar kosong tetapi sudah dipenuhi dengan penyewa-penyewa. Telah ramai yang bergelar peniaga walaupun secara kecil-kecilan. Ini jelas menunjukkan betapa KUKUM telah memberi impak yang cukup positif kepada pembangunan sosio ekonomi negeri Perlis. Apa yang saya sedikit kecewa ialah penduduk di negeri Perlis ini gagal memanfaatkan penubuhan KUKUM itu bagi tujuan merebut peluang perniagaan yang sedia ada secara bersungguh-sungguh. Pelbagai peluang perniagaan dapat difikirkan jika kita renungkan perkara ini secara mendalam. Saya amat berharap KUKUM dengan tenaga pakar yang sedia ada mungkin dapat menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan dengan perniagaan kepada penduduk di negeri Perlis ini. Masanya sudah tiba bagi rakyat di negeri ini untuk bersikap lebih terbuka, bersikap inovatif dan berani mencuba dan seterusnya menceburkan diri dalam dunia perniagaan yang akan dapat mengeksploitasikan sebarang peluang yang terhidang.

Apa halatuju dan sasaran Tuanku dalam mencorakkan pembangunan pendidikan di negeri Perlis ini.

Ayahanda saya ketika ditabalkan menjadi Raja Perlis telah menitahkan untuk melihat negeri Perlis ini menjadi negeri contoh dalam segenap aspek. Itu agenda Baginda dan kini setelah dilantik sebagai Pemangku Raja Perlis pula, saya akan hanya meneruskan kesinambungan tersebut. Oleh kerana tempoh tersebut agak singkat, untuk itu saya telah memilih hanya beberapa elemen yang dirasakan dapat menzahirkan titah ucapan Ayahanda saya dalam tempoh lima tahun ini. Saya ingin memfokuskan kepada pelancongan, sukan, pendidikan dan agama. Untuk tahun ini saya memberi keutamaan kepada aspek pendidikan. Ia selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Perlis sebagai Negeri Ilmu. Bukan bermaksud Negeri Ilmu kita hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal seperti punya bangunan sekolah dan perpustakaan yang banyak dan canggih sahaja, tetapi sebaliknya menghasilkan insan cerdas pandai dari negeri ini sendiri. Baik di sekolah rendah mahupun di peringkat menengah. Saya ingin melihat rakyat negeri Perlis ini cemerlang di dalam bidang pendidikan. Saya ingin menanam 'benih-benih' cerdas pandai ini agar suatu hari nanti hasilnya akan berbuah. Suatu hari nanti apabila ada orang bercakap tentang seseorang yang telah berjaya atau terkenal di negara ini mereka juga akan tahu mereka ini berasal dari negeri Perlis. Apabila ada lagi yang bertanya bagaimana mereka boleh berjaya maka mereka-mereka ini akan menjawab dengan penuh keikhlasan bahawa pendidikan menjadikan mereka insan yang cemerlang. Insyallah saya akan terus memberi pengkhususan yang cukup tinggi kepada pendidikan di negeri ini sedaya mungkin. Ia adalah suatu usaha yang berterusan dan menjelang 2010 nanti kita semua akan melihat KUKUM dan UITM Arau masing-masing mempunyai 10,000 pelajar. Ini tidak termasuk Politeknik yang baru siap dibina serta MRSM kedua di negeri ini dan sekolah sukan ketiga di negara ini yang akan dibina di negeri Perlis.

Apakah harapan dan saranan Tuanku kepada semua staf dan pelajar KUKUM?

Saya amat berharap setiap warga KUKUM berusaha dengan penuh gigih memartabatkan nama universiti agar ia menjadi universiti yang terulung dan disegani di negara ini dalam setiap aspek. Di kesempatan ini saya berharap semua warga KUKUM akan memberi 100% sokongan pada setiap aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh Dato' Rektor yang diberi mandat dan kepercayaan oleh kerajaan untuk memimpin KUKUM. Saya ingin menyarankan setiap warga KUKUM menghayati dan memperhalusi misi, visi dan moto KUKUM. Begitu juga dengan bait-bait lirik di dalam lagu rasmi KUKUM, WAWASANKU. Renungkan bait-bait lirik tersebut dan cuba soal diri sendiri apakah sumbangan anda kepada KUKUM? Sentiasalah bersikap bersyukur kerana berjaya dipilih menjadi warga KUKUM. Begitu juga dengan Rukunegara. Justeru itu jika semua aspek-aspek ini dihayati dan diamalkan secara jitu dan berterusan maka masyarakat Malaysia pasti akan menjadi yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang. Tidak perkara yang mustahil jika kita semua berada di landasan yang betul.

"Apa yang saya harapkan pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui jasa baik YB Menteri Pengajian Tinggi dapat mempercepatkan pembinaan kampus tetap KUKUM di Ulu Pauh dan Sungai Chuchuh kerana KUKUM berkembang dengan pantas dan pengambilan pelajar akan terus meningkat dari setahun ke setahun. Sudah pasti logistik akan menjadi masalah utama KUKUM nanti selain dapat mengurangkan kos operasi yang sedia ada."

